

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Tuan Fong Kui Lun
KAWASAN : BUKIT BINTANG
TARIKH BAHAS : 14.03.2016 (Isnin)
NO. SOALAN : 14

Tuan Fong Kui Lun minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kedudukan pelaburan asing di negara ini berikutan kejatuhan nilai ringgit yang turut menjejaskan ekonomi negara.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun kedudukan nilai mata wang Ringgit berada di bawah paras sebenar, ianya tidak menjejaskan kedudukan pelaburan asing di Malaysia. Menurut statistik imbangan pembayaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia telah berjaya merekodkan jumlah aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM39.5 billion pada tahun 2015. Ini merupakan peningkatan sebanyak 11.8%, berbanding jumlah yang dicatatkan pada tahun 2014, iaitu sebanyak RM35.3 bilion.

Bagi tempoh tersebut, pecahan jumlah pengaliran masuk bersih pelaburan langsung asing adalah seperti berikut:

- Pembuatan sebanyak RM17.7 bilion;
- Perkhidmatan sebanyak RM7.8 bilion;
- Perlombongan sebanyak RM12.9 bilion;
- Pembinaan sebanyak RM1.1 bilion; dan
- Pertanian, perhutanan dan perikanan sebanyak RM0.016 bilion.

Kestabilan pelaburan asing turut terbukti melalui peningkatan pegangan asing di dalam pasaran kewangan negara, meskipun

Ringgit menghadapi tekanan dan ekonomi dunia dibelenggu kebimbangan berikutan prospek kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat dan kelembapan di China. Pada akhir tahun 2015, pegangan pemilik-pemilik asing di dalam sekuriti hutang dan sukuk negara adalah sebanyak RM214.8 bilion. Ini merupakan peningkatan sebanyak hampir RM17 bilion, berbanding RM197.8 bilion pada akhir bulan Ogos 2015.

Data-data tersebut jelas menunjukkan bahawa meskipun persekitaran ekonomi pada ketika ini agak mencabar, Malaysia terus kekal kukuh sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan bagi pelaburan asing.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya prihatin bahawa kejatuhan nilai Ringgit telah menimbulkan kekhuatiran di kalangan pengilang-pengilang yang perlu mengimport jentera dan peralatan, bahan gunahabis serta bahan mentah untuk proses pengeluaran mereka. Kejatuhan nilai Ringgit ini akan menyebabkan peningkatan terhadap kos input bagi pengilang-pengilang tersebut.

Antara langkah-langkah yang sedang diambil Kementerian untuk mengekalkan daya saing pelaburan adalah:

- (i) Mengambil pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan langsung asing ke Malaysia. Pengilang-pengilang digalakkan untuk menggunakan keluaran tempatan sebagai input supaya mendapat pulangan yang lebih tinggi dengan kos pengeluaran dalam matawang Ringgit yang rendah. Pengilang-pengilang tempatan juga akan mendapat faedah apabila mereka mengeksport keluaran siap kerana harga yang ditawarkan lebih kompetitif;
- (ii) Menggalakkan pelabur asing untuk meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia dalam projek pelaburan yang berkualiti seperti projek-projek berteknologi tinggi, nilai ditambah yang tinggi, berintensif pengetahuan, kemahiran intensif, berorientasi eksport, berintensif modal, reka bentuk dan R&D, projek-projek yang mempunyai impak yang tinggi dan mempunyai hubungan yang kukuh dengan industri tempatan;

- (iii) Membangunkan rantaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rantaian industri sama ada industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baharu. Antara langkah-langkah Kerajaan untuk mencapai hasrat ini adalah dengan penganjuran beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau *suppliers' conferences*, dengan izin dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor. Langkah-langkah ini juga dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam *business matching*, dengan izin, untuk memulakan projek usahasama dengan pelabur tempatan atau untuk melaksanakan pengilangan kontrak atau *contract manufacturing* dengan izin;
- (iv) Menganjurkan misi-misi pelaburan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah MITI, iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk mempromosi dan menarik pelaburan baharu; dan
- (v) Menganjurkan program "*media engagement*", dengan izin, dan publisiti di dalam dan luar negara bagi menyalurkan maklumat - maklumat terkini berkaitan pelaburan kepada pelabur - pelabur yang berpotensi.

Tuan Yang Dipertua,

Usaha-usaha berterusan Kerajaan untuk memastikan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang diyakini dan mempunyai persekitaran perniagaan yang kondusif sememangnya turut diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Antaranya, dalam Laporan Menjalankan Perniagaan 2016 Bank Dunia, Malaysia telah mengekalkan kedudukan ke-18 sebagai negara paling berdaya saing di kalangan 189 negara.

Laporan tersebut meletakkan Malaysia mendahului Switzerland (26), Perancis (27), Belanda (28), Jepun (ke-34), Emiriyah Arab Bersatu (31), Thailand (49), China (84) dan India (130), manakala di dalam ASEAN, Malaysia menduduki tempat kedua selepas Singapura.

Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian untuk terus meningkatkan kemasukan pelaburan termasuk pelaburan asing ke Malaysia, dan seterusnya mencapai sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM291 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATUK ROZMAN BIN ISLI

TARIKH : 14.3.2016 (ISNIN)

SOALAN : 15

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyokong dan realisasikan hasrat Perdana Menteri untuk menjadikan Labuan pusat kecemerlangan pendidikan dengan mengadakan kampus-kampus cawangan IPTA dan IPTS di Labuan seperti yang beliau sarankan dalam lawatan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Universiti Awam (UA) atau kampus cawangannya adalah berdasarkan keperluan strategik negara dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja.

Kementerian Pendidikan Tinggi pada ketika ini tidak mempunyai perancangan untuk menubuhkan UA baharu kerana negeri Sabah yang berhampiran dengan Labuan telah mempunyai beberapa buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS),

Kampus Cawangan UiTM di Kota Kinabalu, 2 buah politeknik dan 9 buah kolej komuniti. Walau bagaimanapun, penubuhan UMS Kampus Antarabangsa Labuan sejak tahun 1999 telah membantu menawarkan peluang pendidikan tinggi kepada 2,366 pelajar. Pada masa ini, infrastruktur sedia ada adalah mencukupi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya perlu, infrastruktur tambahan akan dikaji dalam RMKe-11.

Bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula, penubuhannya adalah berdasarkan permohonan daripada pihak yang berminat. Lokasi adalah bergantung kepada pemohon dan kebiasaannya IPTS akan terarah untuk ditubuhkan di kawasan yang telah mempunyai infrastruktur seperti kemudahan pengangkutan yang menyokong kepada ekosistem pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah melanjutkan pelaksanaan moratorium (pembekuan) penubuhan IPTS baharu bagi tempoh 2 tahun sehingga 31 Januari 2017. Dalam tempoh pelaksanaan moratorium ini, penubuhan IPTS baharu hanya akan dipertimbangkan bagi Wilayah Iskandar Malaysia dan Pagoh, Johor.

Bilangan UA dan IPTS yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara dan fokus KPT sekarang ialah untuk memperkasakan UA sedia ada.